

NO SOALAN :67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2018

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan susulan yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenai aduan tiada resit rasmi bagi pembelian buku teks, latihan dan rujukan di SJK(C) seperti dinyatakan dalam surat beliau yang bertarikh 8 Februari 2018 dengan nombor rujukan KLG/1802/001 dan KLG/1802/003.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian Kewangan mendapati bahawa Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri belum menerima surat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Kementerian ini juga telah berhubung dengan pejabat Yang Berhormat untuk mendapatkan sesalinan surat tersebut pada 2 Mac 2018, namun sehingga 5 Mac 2018, pihak pejabat Yang Berhormat masih belum mengemukakan salinan surat tersebut untuk diambil tindakan.